



Iklan Sebutharga Bil.04/2026

Tarikh: 14/07/2026

**KENYATAAN SEBUTHARGA
(TAWARAN KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

Sebutharga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor Kelas G1 yang beralamat di Jajahan Pasir Puteh dan kontraktor Kelas G2 yang beralamat di Negeri Kelantan serta berdaftar dengan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh (PTJPP) pada tahun semasa, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan sahaja yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

Bil	Tajuk Kerja	Taraf /Jenis Syarikat	Kelas	Kepala /Sub Kepala	Tarikh Tutup
1	KERJA-KERJA PEMASANGAN LAMPU SOLAR DI LORONG KUBUR MUKIM TELIPOT, GAAL, PASIR PUTEH, KELANTAN. <i>NO. SEBUTHARGA: PTJPP/IKR/SH/05/2026</i> (Koordinat : 5.782025, 102.354248)	Khas Bumiputera	G1	E11 & CE 21	29 Julai 2026 (Rabu)
2	KERJA-KERJA MENAIKTARAF LONGKANG DI KAMPUNG LEPAH, SELISING, PASIR PUTEH, KELANTAN. <i>NO. SEBUTHARGA: PTJPP/IKR/SH/06/2026</i> (Koordinat : 5.889179, 102.320403)		G1	CE06	
3	KERJA-KERJA MENYELENGGARA SISTEM SALIRAN DI JALAN KAMPUNG GAAL, DAERAH GONG DATOK, DUN GAAL, PASIR PUTEH, KELANTAN. <i>NO. SEBUTHARGA: PTJPP/PPN/SH/28/2026</i> (Koordinat : 5.804523, 102.415717)		G2	CE06	

2. Pendaftaran kontraktor adalah melalui atas talian dengan membuat pendaftaran di “Google Form” pada capaian berikut: <https://www.ptjpp.kelantan.gov.my> bermula pada **21/07/2024 jam 8.00 pagi** hingga **jam 11.59 malam**. Pendaftaran sebelum dan selepas tarikh serta masa yang ditetapkan **TIDAK** akan diterima dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

3. Pendaftaran melalui “Google Form” adalah **WAJIB**. Hanya kontraktor yang membuat pengesahan pendaftaran sahaja yang layak dan dibekalkan dokumen sebutharga dan kontraktor berdaftar sahaja akan diterima dan seterusnya membolehkan sebutharga mereka dibuat penilaian.

Dokumen sebutharga kerja hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor / penama syarikat yang membawa Sijil Pendaftaran ASAL (PPK dan SPKK) yang dikeluarkan oleh CIDB dan hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh membeli borang sebutharga. **(Kontraktor yang akan hadir untuk membeli borang sebutharga perlu berdaftar dengan Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh)**

5. Mana-mana kontraktor yang belum membuat pendaftaran tahunan di Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh bagi **Tahun 2026**, hendaklah membuat pendaftaran dengan pembayaran sebanyak **RM 50.00 (Ringgit: Lima Puluh Sahaja)**.

6. Kontraktor yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendak membuat bayaran berjumlah **RM 50.00 (Ringgit : Lima Puluh Sahaja)** kepada Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh pada **26/07/2026**.

HARI	MASA	CATATAN
Ahad	9.00 pagi – 4.00 petang	1.00 – 2.00 petang (REHAT)

7. Lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Walaubagaimanapun, pihak kontraktor disarankan untuk mengadakan lawatan tapak berdasarkan lokasi yang disediakan.

8. Dokumen Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri dan ditulis **Nombor Sebutharga** di sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga sebelum atau pada **29/07/2024 jam 12.00 tengahari** di Bahagian Pembangunan, Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Puteh, Kelantan.

9. Pejabat ini tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Sekian, terima kasih.

ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT #
SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT

Saya yang menjalankan amanah,

(ABDUL MUHAMMAD BIN MOHD REDZWAN)

Ketua Penolong Ketua Jajahan (Pembangunan)

b.p **KETUA JAJAHAN PASIR PUTEH**

s.k. YABrs. Ketua Jajahan Pasir Puteh

YABrs. Pengarah Pembangunan Negeri Kelantan

